

Program pidato mampu lahirkan pemimpin terbilang

SINAR 14.11.2007 MS3

■ SHAMSUL MUNIR SAFINI

DALAM usaha melahirkan lebih ramai pemimpin terbilang di masa hadapan, kemahiran berpidato dan keberkesanan dalam penyampaian mesej menjadi pra-syarat utama untuk mencapai hasrat itu, kata Penaung Yayasan Harapan Kanak-kanak Malaysia (YHKM), Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata, kemahiran berpidato berkait rapat dengan kualiti kepimpinan dan cara pemimpin dibezakan menerusi cara mereka menggarap isu serta idea bernas.

“Program pidato mam-

pu meningkatkan potensi minda kanak-kanak Malaysia dalam merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan masyarakat kelas pertama.” katanya ketika berucap merasmikan pertandingan akhir Pidato Kanak-kanak Malaysia 2007 Piala Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, di sini, semalam.

Menurutnya lagi, penubuhan Kelab Pemidato Harapan di sekolah-sekolah rendah seluruh Negara membolehkan mereka mempelajari gaya dan kaedah pengucapan awam yang sebenar.

“Melalui kelab pidato

ini pemidato akan dibekalkan dengan bahan-bahan rujukan serta salinan-salinan audio visual pemimpin-pemimpin terkenal di dunia antaranya Marthin Luther King Jr dan Nelson Mandela,” katanya.

Pertandingan dalam kategori bahasa Melayu dan Inggeris itu yang dianjurkan YHKM disertai 31 peserta dari seluruh negara dan enam daripadanya bertanding di peringkat akhir.

Sementara itu, Jeffrey Johan Adlan Disney memenangi kategori bahasa Inggeris manakala Mashanis Mohamad bagi kategori bahasa Melayu.



Rosmah (tengah) turut sama meraikan para pemenang pertandingan pidato.